

23.5.2022

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PBAPP AKAN LAKSANAKAN “PELAN KONTIGENSI BEKALAN AIR SPS” MULAI 26.5.2022

- **6.01 petang – 6.00 pagi setiap hari: Keutamaan bekalan air untuk 32,993 pengguna air berdaftar di Seberang Perai Selatan (SPS).**

PULAU PINANG, Isnin, 23.5.2022: “Pelan Kontingensi Bekalan Air SPS” (SPS-WSCP 2022) akan dilaksanakan mulai Khamis ini, 26.5.2022, untuk menangani isu bekalan air di kawasan kediaman Seberang Perai Selatan (SPS).

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan mengutamakan bekalan air kepada semua pengguna air domestik berdaftar yang tinggal di SPS selama 12 jam, dari 6.01 petang – 6.00 pagi setiap hari.

Pada waktu semalaman ini, bekalan air ke kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak akan dikawal, dan lebih banyak air akan dipam ke kawasan perumahan di SPS. Memandangkan semua premis domestik perlu dilengkapi dengan tangki simpanan air 24 jam, langkah ini akan membolehkan pengguna domestik SPS mengisi tangki air mereka dan menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan harian.

Sementara itu, dari 6.01 pagi – 6.00 petang setiap hari (12 jam), PBAPP akan membekalkan air seperti “biasa” di seluruh Seberang Perai, termasuk kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak. Memandangkan semua premis industri harus dilengkapi dengan kemudahan penyimpanan air 48 jam, SPS WSCP 2022 tidak seharusnya menjejaskan operasi dan produktiviti.

Jadual A meringkaskan SPS-WSCP 2022 untuk menangani isu bekalan air di SPS:

JADUAL A: Pelan Kontigensi Bekalan Air SPS	
Masa	Tindakan PBAPP
6.01ptg – 6.00pg	Keutamaan bekalan air kepada 32,993 pengguna domestik berdaftar di SPS. (Bekalan ke kawasan industri Batu Kawan dan Bukit Minyak akan dikawal.)
6.01pg – 6.00ptg	Bekalan air biasa ke kawasan industri Batu Kawan dan Bukit Minyak. (Bekalan kepada pengguna domestik di SPS hanya akan terjejas apabila permintaan air terlalu tinggi.)

SPS-WSCP 2022 dijadualkan akan dilaksanakan mulai Khamis, 26.5.2022. Pelaksanaannya berkemungkinan berterusan sehingga pengoperasian Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua) pada tahun 2023.

Pakej 12A adalah sebahagian daripada Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) PBAPP, dan ia akan meningkatkan pengeluaran air terawat LRA Sungai Dua sebanyak 114JLH.

ISU BEKALAN AIR SPS BARU-BARU INI

Pada minggu 16 – 22.5.2022, PBAPP mencatatkan penurunan tekanan yang mendadak di SPS, khususnya di kawasan merangkumi dari Valdor ke Sungai Bakap dan Nibong Tebal. Disebabkan fenomena ini, beberapa rumah pam PBAPP tidak dapat mengepam air ke SPS.

Oleh sebab itu, 32,993 pengguna air berdaftar di SPS mengalami “tekanan air rendah” atau “tiada bekalan air”.

Siasatan PBAPP mendedahkan perkara berikut:

- Tiada insiden besar saluran paip pecah.
- Tiada kerosakan atau kejadian tidak diingini di LRA Sungai Dua atau LRA Bukit Panchor.
- Output air terawat daripada LRA Sungai Dua dan LRA Bukit Panchor berada pada tahap optimum.

Jadual B menunjukkan laporan pengeluaran air PBAPP untuk LRA Sungai Dua dan LRA Bukit Panchor yang mengeluarkan air terawat untuk bekalan ke SPS:

JADUAL B: Laporan Pengeluaran LRA Sungai Dua & Bukit Panchor			
Tarikh	LRA Sungai Dua (JLH)	LRA Bukit Panchor (JLH)	Jumlah (JLH)
30.4.2022 (sebelum cuti)	985.8	9.1	994.9
1.5.2022 (Hari Pekerja)	1,020.5	9.2	1,029.7
2.5.2022 (hari pertama Hari Raya Aidil Fitri)	983.5	9.4	992.9
3.5.2022 (hari kedua Hari Raya Aidil Fitri)	966.5	9.5	976.0
19.5.2022 (selepas cuti)	985.7	9.2	994.2
20.5.2022	997.0	9.2	1,006.2

Seperti yang ditunjukkan, output pengeluaran air terawat PBAPP pada tarikh penting dari 30.4.2022 – 20.5.2022 secara relatifnya tetap, pada purata 999.0 JLH, dengan variasi maksimum 3.1%.

Bagaimanapun,

- Sepanjang cuti Hari Pekerja 2022 dan Hari Raya Aidil Fitri, tiada masalah bekalan air di SPS menjejaskan 32,993 pengguna.
- Isu bekalan air di SPS yang menjejaskan 32,993 pengguna timbul bermula 16.5.2022.

MASALAH BEKALAN AIR SPS

Berdasarkan penyiasatan dan data PBAPP, berikut ialah kemungkinan punca isu bekalan air SPS yang menjejaskan 32,993 pengguna air:

1. Permintaan air domestik yang tinggi di SPS. Oleh kerana cuaca panas, kering dan peningkatan pengguna semasa musim Hari Raya.

2. Permintaan air yang ketara lebih tinggi di kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak selepas cuti kerana kilang sedia ada meningkatkan operasi dalam fasa endemik Covid-19.
3. Permintaan air tambahan daripada kilang-kilang baharu yang muncul memulakan operasi di kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak.

Sila ambil perhatian bahawa jumlah bekalan air terawat daripada LRA Sungai Dua dan LRA Bukit Panchor tidak berkurangan. Tambahan pula, LRA ini telah beroperasi pada kapasiti optimum.

Memandangkan tiada masalah besar dengan infrastruktur saluran paip air di Seberang Perai, kesimpulan logiknya ialah permintaan untuk air terawat di Seberang Perai meningkat dengan ketara selepas tempoh cuti baru-baru ini.

PENYELESAIAN JANGKA PENDEK, SEDERHANA DAN PANJANG PBAPP

Jangka pendek:

PBAPP menghantar lori tangki air dan tangki air statik untuk menangani keperluan air pengguna terjejas di SPS.

Jangka sederhana (2022 – 2023):

Mulai Khamis (26.5.2022), PBAPP akan melaksanakan SPS-WSCP 2022 untuk memberi keutamaan bekalan air kepada 32,993 pengguna di SPS selama 12 jam setiap hari. Sementara itu, Fasa 2 Naik Taraf Tangki Pemendapan LRA Sungai Dua dijadualkan siap pada penghujung tahun 2022. Pakej 12A LRA Sungai Dua dijadualkan untuk pengoperasian pada tahun 2023. 2 projek ini akan meningkatkan pengeluaran rawatan air LRA Sungai Dua sebanyak 205 JLH untuk memastikan bekalan air yang lebih baik ke SPS.

Jangka panjang (2025 - 2030):

Projek RWCP 2030 tambahan berikut telah dirancang untuk beroperasi dalam tempoh 2025 – 2028:

- Fasa 1, LRA Empangan Mengkuang (114 JLH)
- Fasa 1, LRA Sungai Muda (114 JLH)

- Skim Bekalan Air Sungai Perai (136 JLH)

SARANAN KEPADA PENGGUNA AIR

Semua pengguna air di SPS disaran untuk memastikan tangki simpanan air 24 jam mereka disambungkan ke sistem paip dalaman mereka dan berfungsi sepenuhnya. Tangki air domestik yang berfungsi akan diisi secara automatik dari 6.01 petang – 6.00 pagi setiap hari, menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan domestik harian. Dengan pelaksanaan kitaran 12 jam SPS-WSCP 2022, pengguna air domestik SPS sepatutnya mempunyai air yang mencukupi untuk digunakan setiap hari.

Semua pengguna air kategori perniagaan di kawasan perindustrian Batu Kawan dan Bukit Minyak juga dinasihatkan supaya memastikan kemudahan simpanan air 48 jam mereka berfungsi sepenuhnya sebelum 26.5.2022. Pengisian semula kemudahan simpanan air gred industri dalam kitaran 12 jam akan memastikan operasi pembuatan dan produktiviti tidak terjejas oleh SPS-WSCP 2022.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my